

# Lelaki akui tiga tuduhan dadah didenda dan diawasi polis

**MIRI:** Seorang lelaki didenda RM7,800 atau 12 bulan penjara oleh Mahkamah Majistret setelah mengaku bersalah atas tiga tuduhan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh supaya menjalani pengawasan oleh pihak polis selama tempoh dua tahun.

Rudy Latif, 29, dari Ladang 2, Bekenu, telah didakwa atas tiga

tuduhan di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak

kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes bagi ketiga-tiga tuduhan itu, tertuduh didapati telah menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu masing-masing pada jam 9.30 malam, 5 Februari 2020; jam 10.45 malam, 5 Mei 2023 dan jam 6.05 petang, 26 Ogos lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Sandy Yvette Freddy, manakala tertuduh tidak diwakili peguambela.